

**Pembentangan Laporan Akhir Audit terhadap 1MDB ditangguh - Pengerusi PAC Astro Awani**  
**Februari 23, 2016**  
**Oleh Shuhaimi Zabri**

**HASAN: Adalah penting untuk semua ahli PAC hadir bagi mendengar pembentangan laporan akhir pengauditan Ketua Audit Negara Terhadap 1MDB berkenaan. - Gambar fail**

**KUALA LUMPUR:** Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini mengumumkan penangguhan pembentangan Laporan Akhir Pengauditan Ketua Audit Negara terhadap syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dijadualkan pada 24 dan 25 Februari ini.

Pengerusinya, Datuk Hassan Arifin berkata, ini berikutan kebanyakan ahli PAC yang sedang berada di luar negara termasuk mengerjakan ibadah Umrah.

"Pembentangan Laporan Akhir Pengauditan Ketua Audit Negara Terhadap 1MDB yang dijadualkan pada 24 Februari (Rabu) dan 25 Februari (Khamis) ini ditangguhkan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Menurutnya, tarikh baru bagi pembentangan laporan berkenaan dijangka pada minggu pertama bulan Mac ini.

"Penangguhan dibuat memandangkan kebanyakan ahli PAC berada di luar negara, ada yang menunaikan umrah serta ada yang mempunyai komitmen penting.

"Adalah penting untuk semua ahli PAC hadir bagi mendengar pembentangan laporan akhir pengauditan Ketua Audit Negara Terhadap 1MDB berkenaan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Ini merupakan penangguhan kedua pembentangan Laporan Akhir Ketua Audit Negara terhadap 1MDB yang dijadualkan dibentangkan pada 17 Disember lalu.

Hassan sebelum ini dipetik sebagai berkata, penangguhan itu dibuat kerana laporan akhir itu perlu proses kemas kini.

Sebelum ini, PAC mengumumkan cadangannya untuk membentangkan Laporan Akhir Pengauditan terhadap 1MDB di Parlimen dalam sesi Dewan Rakyat bermula Mac hingga April ini.

Tag: [pac](#), [1mdb](#), [laporan ketua audit](#), [hassan ariffin](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pembentangan-laporan-akhir-audit-terhadap-1mdb-ditangguh-pengerusi-pac-95696>